

Kerajaan akan benteng laporan pemerhati mengenai pilihanraya

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Kerajaan akan membentengkan laporan Kumpulan Pemerhati Komanwel berhubung pilihanraya umum Oktober lalu pada sesi Parlimen ini, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

—“Kita sedang kaji laporan itu dan kita akan umumkan pada sesi Parlimen ini beserta dengan komen kita,” kata beliau kepada para wartawan di Bangunan Parlimen pagi ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengubah sedikitpun laporan tersebut kerana “ia bukan laporan kita, dia punya laporan, jadi kita terima sahajalah.”

Beliau menjelaskan, pem-

bentangan laporan itu di Dewan Rakyat bukan untuk dibahaskan, cuma untuk menyebarkan laporan itu kepada pengetahuan umum.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuannya dengan Setiausaha Agung Komanwel Chief Ameka Anyaoku kelmarin bagi membincangkan persiapan mengadakan mesyuarat Ketua 10 mengenai masa depan Komanwel, soal laporan Kumpulan Pemerhati Pilihanraya itu turut disentuh.

Ditanya apakah harapan beliau pada persidangan Dewan Rakyat kali ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau menjangka persidangan kali ini akan hidup dan lebih rancak.

“Kita tidak akan ada masalah tidak cukup korum (kerana pembangkang sudah ramai).

“Tapi, kita hilang satu orang yang memeriahkan suasana... Hu Sepang (bekas ahli Parlimen DAP kawasan Rasah) dah tak ada,” katanya disambut gelak ketawa para wartawan.

Tambah Perdana Menteri: “...Dulu adalah orang ketuk meja... kita kena ganti dengan orang lainlah.

Apabila seorang wartawan berseloroh dengan berkata bahawa mungkin ahli Parlimen Marang, Haji Hadi Awang boleh menggantikan Hu Sepang, beliau berkata: “Dia tak tepuk meja lagi, tak tahulah.”